

**Orang Melayu kini sedar kepentingan UMNO**  
**Utusan Online**  
**Januari 07, 2012**  
**Oleh MOHAMAD FIKRI ROSLY**

PAGOH 7 Jan. - Tan Sri Muhyiddin Yassin percaya dan yakin orang Melayu kini sedar bahawa kuasa politik adalah penting dalam usaha membela nasib bangsa dan meneruskan kelangsungannya di negara ini.

Beliau berkata, tiada pilihan lain lagi selain UMNO yang dapat menjadi harapan orang Melayu melalui peranannya sebagai peneraju kerajaan Barisan Nasional (BN).

"Keamanan negara yang dikecapi sejak merdeka sehingga kini memberi peluang untuk rakyat memajukan diri dan keluarga.

"Malah Malaysia kini menjadi negara Islam contoh kepada negara lain," katanya ketika berucap pada Majlis Perjumpaan Dan Dialog Bersama Imam-Imam Parlimen Pagoh di Dewan Kompleks Seri Pekembar, di sini hari ini. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0107&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt\\_17.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0107&pub=Utusan_Malaysia&sec=Terkini&pg=bt_17.htm)